

01/05/2002

Muktamar Menteri Waqaf bincang imej umat Islam

KUALA LUMPUR, Selasa - Persoalan mengenai usaha meningkatkan imej umat Islam yang terjejas sejak kebelakangan ini antara isu penting yang dibincangkan pada Muktamar Ketujuh Menteri-Menteri Waqaf dan Hal Ehwat Islam di sini bermula Isnin ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata tindak-tanduk segelintir orang Islam menjurus kepada masyarakat dunia mempunyai tanggapan negatif terhadap agama dan umat Islam.

Abdul Hamid berkata beliau akan mewakili Malaysia dalam pembentangan kertas kerja mengenai pengalaman negara ini dalam soal dakwah Islamiah dan cara ia menangani golongan ekstremis.

Lapan kertas kerja akan dibentangkan pada muktamar itu, antaranya mengenai penubuhan yayasan sedunia bagi warisan Islam yang akan disyorkan oleh Mesir, serta strategi am untuk menonjolkan Islam menerusi pelbagai bahasa oleh Maghribi.

Muktamar yang akan dirasmikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu turut membincangkan isu ekonomi dan wakil Bank Pembangunan Islam berpusat di Jeddah membentangkan kertas kerja mengenai pelaburan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan pada hari kedua persidangan.

(END)